

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN
PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)**

1.	Jawatan	Pembantu Penyelidik Siswazah
2.	Taraf Lantikan	Secara Kontrak (GRA yang telah dilantik tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama)
3.	Mod Pengajian	Mod Penyelidikan bagi Pengajian sepenuh masa.
4.	Tempoh Lantikan	Tempoh lantikan GRA perlu dalam tempoh projek aktif (minimum adalah dua belas (12) bulan untuk pelajar Sarjana/Ph.D) dan hendaklah bergraduasi (walaupun di luar tempoh penyelidikan).
5.	Yuran	1. Dikecualikan daripada pembayaran yuran pelajaran sahaja bagi semester di mana lantikan ini berkuat kuasa. 2. Sekiranya GRA telah mendapat pembiayaan dari mana-mana pihak maka yuran pelajaran tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti.
6.	Kemudahan	GRA hanya dibenarkan menerima kemudahan perubatan di Pusat Kesihatan UPSI sebagai pelajar UPSI.
7.	Tatatertib dan Kelakuan	Walaupun GRA dilantik di bawah peruntukan penyelidikan, namun dari segi perkhidmatan, GRA adalah setiap masa tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
8.	Penamatan Perkhidmatan	Notis / Surat Penamatan / Perletakan jawatan hendaklah diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan , PPPI (30) hari sebelum tarikh tamat perkhidmatan melalui Ketua Penyelidik dan Fakulti atau bayaran balik sebanyak satu bulan elaun sebagai gantian notis dikenakan.
11.	Tuntutan Elaun dan Bayaran	GRA layak menuntut bayaran elaun-elaun perjalanan rasmi (termasuk elaun makan, elaun harian dan elaun lojing) bagi urusan berkaitan dengan penyelidikan mengikut kadar yang berkuatkuasa di Universiti tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dalam proposal penyelidikan.
12.	Penarikan semula tawaran / Penamatan Perkhidmatan - Maklumat Palsu / Tidak Benar	Pihak berkuasa melantik berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan perkhidmatan saudara/i tanpa memberi notis terlebih dahulu sekiranya didapati bahawa maklumat yang dikemukakan adalah tidak benar / palsu.
13.	Kemudahan Menghadiri Seminar/Konferensi	GRA boleh mengikuti mana-mana seminar/konferensi yang berkaitan dengan projek penyelidikan tertakluk kepada kelulusan Ketua Penyelidik.
14.	Hubungan	GRA bukan keluarga terdekat Ketua Penyelidik / Penyelidik bersama.
15.	Masa Bekerja	Fleksibel 5 hari seminggu termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum dengan masa kerja sekurang-kurangnya 8 jam sehari. Waktu kumulatif bekerja adalah sekurang-kurangnya 40 jam seminggu.

CARTA ALIR PROSES PENERIMAAN LANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)

